

## **Soalan Lazim**

### **Apakah itu X-1R Small Engine Formula?**

X-1R Small Engine Formula (SEF) ialah cecair logam sintetik yang bertindak mengurangkan kadar geseran dan haus di dalam enjin motosikal anda. X-1R tidak berbahaya, tidak mudah terbakar dan mesra alam.

### **Bagaimanakah cara penggunaan X-1R Small Engine Formula untuk enjin 4T saya?**

X-1R SEF dirumus khas untuk kegunaan semua jenis motosikal dan enjin – enjin skuter. Untuk prestasi optimum, tuangkan satu botol 50ml X-1R Small Engine Formula ke dalam setiap satu liter minyak hitam apabila anda servis enjin 4T (empat lejang) anda. Hanya tuang dan pergi.

### **Bolehkah saya gunakan X-1R Small Engine Formula untuk enjin 2T saya?**

Untuk motor berenjin 2T (dua lejang), masukkan 50ml X-1R Small Engine Formula ke dalam satu liter minyak hitam. Kemudian, goncangkan kandungan itu sebelum memasukkannya ke dalam enjin seperti biasa. Untuk prestasi optimum, tuangkan satu botol 50ml X-1R Small Engine Formula ke dalam setiap satu liter minyak hitam apabila anda servis enjin 2T (dua lejang) anda. Hanya tuang dan pergi.

### **Bolehkah saya gunakan X-1R Small Engine Formula ke dalam sistem brek saya?**

Tidak, X-1R Small Engine Formula bukanlah cecair hidraulik dan tidak direka untuk digunakan untuk mana-mana sistem brek.

### **Bolehkah saya gunakan X-1R ke dalam semua jenis kenderaan saya?**

Ya, X-1R mempunyai pelbagai produk yang dihasilkan bagi memenuhi semua jenis enjin dan kenderaan. Layari [www.x1r.com.my](http://www.x1r.com.my) atau hubungi +603 4260 3852 untuk maklumat lanjut.

## **Adakah dengan menggunakan X-1R Small Engine Formula akan menyebabkan waranti saya tidak sah?**

Tidak. X-1R tidak tersenarai di dalam mana-mana pengeluar sebagai tidak diperakui. Setiap pengeluar menyarankan gred-gred pelincir tertentu bagi kegunaan kenderaan serta peralatan mereka; klasifikasi gred-gred ini dikenali sebagai Penarafan A.P.I atau *A.P.I. Rating (American Petroleum Institute)*. Pelincir-pelincir ini mempunyai had prestasi tertentu. Harus diingat bahawa pengeluar-pengeluar ini tidak mengambil berat tentang jenama sesuatu pelincir, sekiranya ia menepati penarafan A.P.I yang sesuai dan disarankan oleh pengeluar, maka ia akan digunakan. Asalkan pengguna menggunakan cecair yang sesuai mengikut penarafan A.P.I, maka waranti anda masih sah dengan menggunakan X-1R. X-1R menepati semua jenis penarafan cecair A.P.I.

## **Mengapa saya perlu menggunakan X-1R Small Engine Formula?**

ia ialah satu kenyataan dimana semua jenis minyak kenderaan akan merosot selepas lama digunakan dan akan menghasilkan lumpur serta menghasilkan bahan pencemaran berbahaya dimana akan mengurangkan prestasi enjin anda. Formulasi X-1R ini terbukti secara saintifik dapat merawat logam dan bukannya minyak. Terbukti dari teknologi angkasa, dirumus bagi memperbaiki prestasi, menambahkan jangka hayat enjin serta jarak perjalanan. Pada waktu yang sama, ia akan melindungi enjin anda daripada bahan-bahan seperti kotoran, deposit-deposit karbon dan lumpur yang disebabkan oleh minyak-minyak sintetik serta bahan-bahan campuran molybdenum (moly) dan PTFE (Teflon).

## **Adakah X-1R Small Engine Formula sesuai untuk semua jenis minyak?**

Ya, X-1R adalah sesuai untuk semua jenis minyak pelincir dan dan minyak tambahan. X-1R *Corporation* tidak dapat menentukan keadaan enjin atau menjamin prestasi sesebuah kenderaan sekiranya enjin anda pada sebelumnya sudah dalam keadaan teruk. Akan tetapi, X-1R *Corporation* boleh menjamin bahawa X-1R dapat melindungi dan paling berkesan berbanding produk-produk pengurangan geseran yang lain dalam pasaran. Dengan penyelenggaraan peralatan yang betul dan penggunaan bahan tambahan X-1R, jangka hayat peralatan anda akan terjamin lebih bertahan lama.

## **Mengapa X-1R tidak mengaku bahawa ia adalah bahan yang sama seperti pelincir berasaskan P.T.F.E.?**

Kebanyakan pelincir berasaskan P.T.F.E. mengaku bahawa ia dapat bertahan sejauh 50,000 batu, dan kenyataan ini hanyalah muslihat untuk memasarkan produk mereka. Tiada bukti menyatakan kenyataan ini benar. Dari segi pandangan kejuruteraan, kenyataan itu tidak berasas.

### **Mengapa X-1R Small Engine Formula lebih baik dari pelincir P.T.F.E.?**

X-1R Small Engine Formula adalah bebas zarah dan nyah-sumbat. Ia tidak akan mengubah ciri-ciri kelikatan minyak yang sedia ada. Ia merawat permukaan logam pada peringkat molekul dan mengurangkan permukaan kasar serta menambahkan ketahanan permukaan enjin. X-1R dapat bertahan pada suhu tinggi diantara 500oF/260oC tanpa dilaraikan..

### **Pada tahap piawaian manakah yang telah dipatuhi X-1R?**

X-1R telah memenuhi piawaian ujian prosedur ASTM dalam ekonomi bahan api, keserasian dan kecekapan geseran.